

## Alternatif Keagamaan Dan Kaunseling; Sebagai Rawatan Utama Mengatasi Permasalahan Homoseksualiti

Amran Hassan<sup>1</sup>, dan Noriah Mohamed<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar

<sup>2</sup>Universiti Malaysia Perlis

### ABSTRAK

Gejala homoseksual merupakan budaya songsang yang sudah lama bertapak dalam kehidupan masyarakat sejak zaman berzaman lagi. Pembudayaan cara hidup yang songsang ini menjadi satu cara hidup yang tidak berlandaskan kenormalan manusia sehingga menjejaskan sistem sosial masyarakat yang wujud pada masa kini. Objektif kajian ini dijalankan ialah untuk mengkaji alternatif rawatan keagamaan dan kaunseling sebagai satu rawatan utama dalam mengatasi permasalahan homoseksual yang melanda masyarakat di Malaysia. Metodologi kajian yang digunakan ialah kajian secara kualitatif dengan menemu bual responden seramai lapan orang yang terdiri daripada mereka yang berpengalaman dalam mengendalikan kes-kes homoseksual ini sama ada perkhidmatan awam dan swasta secara tidak berstruktur mengikut persampelan bertujuan (*purposive*). Analisis kajian yang dijalankan ialah secara bertema mengikut set protokol soalan yang telah disediakan terhadap sebarang isu yang ditimbulkan. Pendekatan naratif turut digunakan untuk menghuraikan sebarang persoalan kajian yang dikemukakan oleh responden sebagai satu dapatan kajian utama. Keputusan kajian menunjukkan bahawa alternatif kembali kepada ajaran agama dan pendekatan kaunseling psikologi bagi membantu merawat golongan ini untuk tidak terlibat dengan gejala homoseksual lagi dan dapat membuka satu ruang kejayaan orientasi seksual mereka secara normalnya. Implikasi daripada kajian ini ialah mengukuhkan lagi Teori Psikoanalisis Freud terhadap elemen homoseksual dan menjadi panduan untuk merangka satu pelan tindakan rawatan pemulihan berasaskan modul-modul tertentu, sama ada pihak kerajaan atau bukan kerajaan untuk satu perubahan yang positif terhadap golongan ini.

**Kata kunci:** Homoseksual, orientasi seksual, rawatan keagamaan, kaunseling dan psikologi.

## 1.0 PENGENALAN

Kehidupan masyarakat masa kini banyak dipengaruhi oleh anasir-anasir luar yang sama sekali bertentangan dengan ajaran keagamaan. Gejala homoseksual merupakan satu corak hidup yang berlaku di serata negara dunia yang sedikit sebanyak membawa tempas yang hebat ke atas negara Malaysia. Pembudayaan gaya hidup sebegini pula telah mencetuskan pelbagai kontroversi yang mempengaruhi aspek politik, ekonomi dan sosial. Namun, keadaan sebegini menjadi perhatian khusus untuk pembinaan sesebuah masyarakat yang harmoni berlandaskan kepada kepercayaan agama, budaya dan corak hidup di negara Timur. Pelbagai pihak cuba menjadikan isu homoseksual di Malaysia sebagai isu yang hangat untuk diperdebatkan dan dijadikan bahan kontroversi secara membuta tuli. Hakikatnya, keadaan ini adalah bertentangan sama sekali dengan ajaran agama dan budaya (Haron Din, 2010).

Golongan homoseksual merupakan golongan yang cenderung kepada kesukaan sesama jantina berorientasikan sesama jantina berbanding kecenderungan seks yang normal (Mahmood Nazar, 2010). Kecenderungan ini biasanya adalah berbentuk homogenus dan kesukaan sebegini menjadi tarikan dalam kehidupan seharian sebagaimana pasangan heteroseksual. Selain itu, homoseksual merupakan satu cara hidup sejenis yang menyukai antara satu sama lain dalam pergaulan, corak hidup dan unsur-unsur seksualiti sejenis (Syarifah Rohaniah, 2011). American Psychological Association (2002) melihat isu ini sebagai orientasi seksual yang merujuk kepada emosi, romantik dan tarikan kepada seksualiti sama ada kepada seseorang perempuan, lelaki atau sesama jantina. Corak dan gaya hidup sebegini mencetuskan pelbagai kesan negatif dalam masyarakat dunia dan Malaysia sehingga mengundang pelbagai penyakit yang tidak diinginkan seperti penyakit AIDS (McBee & Rogers, 1994). Keadaan sebegini sebenarnya membawa kepada pelbagai kesan negatif ke atas individu, masyarakat dan negara untuk jangka masa panjang.

Dilihat kepada statistik kewujudan golongan homoseksual mengikut laporan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), golongan 'gay' atau homoseksual kini mencecah puluhan ribu orang sehingga pihak JAKIM mengambil inisiatif dengan mengadakan pertemuan tertutup bersama persatuan 'gay' untuk mengajak mereka kembali ke pangkal jalan (Harian Metro, 22 November 2011). Kajian Jenkins (2010) pula menganggarkan populasi golongan yang mengidentifikasikan diri mereka sebagai golongan homoseksual di negara Barat ialah sebanyak 3 hingga 10 peratus daripada jumlah penduduk di negara tersebut. Selain itu mengikut kajian Kinsey, bermula pada tahun 1948 lagi populasi manusia terdiri daripada golongan homoseksual dan secara eksklusifnya 4 peratus jelas sebagai golongan ini (Joseph, 2002). Kenyataan ini secara jelas

membuktikan bahawa golongan homoseksual sudah lama bertapak dan wujud di dunia sehingga membawa kepada satu perkembangan yang lebih luas terutama pada era globalisasi hari ini.

Justeru, kehidupan sebagai pengamal homoseksual biasanya dipengaruhi oleh faktor dalaman individu itu. Corak kehidupan yang dibina sebenarnya menjadi tarikan utama untuk menghalalkan kehidupan yang haram sebagai satu cara hidup yang normal. Keadaan sebegini amat sukar untuk diterima oleh negara-negara Timur yang berpaksikan kepada ajaran Islam yang sama sekali menolak pembudayaan kehidupan sesama jenis ini (Mat Saad, 2008). Semua ini bakal membawa kepada pelbagai kesan negatif yang boleh menghancurkan sesebuah masyarakat dengan begitu mudah sekali (Muhamad Zafeeruddin, 2004) sekiranya tidak dibanteras isu ini secara lebih global. Tidak ada manusia dalam sesebuah masyarakat yang mahu hidup dengan penuh kehancuran sama ada untuk diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara.

## **2.0 PERMASALAHAN KAJIAN**

Isu homoseksual ini sebenarnya isu yang sudah lama bertapak di Malaysia, cuma pendedahannya adalah sedikit dan tidak menonjol secara lebih serius. Penonjolan isu ini menjadi ketara akibat perjuangan Seksualiti Merdeka pada tahun 2011 oleh golongan ini. Mereka telah menganjurkan perhimpunan haram dan persidangan dari 4 November sehingga 13 November 2011 berasaskan kepada keperluan asas bagi golongan yang menjadikan cara hidup ini sebagai suatu yang normal (Harian Metro, 22 November 2011). Pihak kerajaan dan bukan kerajaan menolak dengan sebulat suara akan penganjuran ini dan menentang sekeras-kerasnya pembudayaan cara hidup yang sama sekali bertentangan dengan norma sebagai seorang manusia. Kebebasan asasi yang menjadi tunggak kepada perjuangan mereka bukanlah boleh dilihat dengan lebih menyeluruh sebagaimana di negara Barat. Perjuangan sebegini didokong oleh golongan yang mengamalkan cara hidup homoseksual sama ada secara terbuka atau tertutup telah diberi pandangan serong oleh masyarakat di negara-negara Timur.

Justeru, kepesongan budaya songsang ini ditentang oleh semua agama termasuk agama Islam seperti yang termaktub dalam Perkara 3, Perlembagaan Persekutuan iaitu agama Islam merupakan agama persekutuan yang perlu dihormati dan dihayati dalam kehidupan (Harian Metro, 22 November 2011). Apabila penghormatan terhadap ajaran agama Persekutuan diketepikan, maka pihak berkuasa berhak mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas golongan ini agar kembali kepada cara hidup sediakala demi kesejahteraan psikologi, jati diri,

mental, emosi, zuriat, sistem nilai serta akal dan budi (Harian Metro, 22 November 2011). Jelasnya, pendekatan untuk penganjuran sebegini sebenarnya telah memberi banyak kesan negatif kepada golongan homoseksual di Malaysia, di mana perjuangan mereka ditentang sekeras-kerasnya oleh badan-badan tertentu dalam usaha untuk menangani penularan budaya hidup yang songsang.

Oleh itu, kajian secara kualitatif ini dijalankan untuk mengkaji pandangan umum masyarakat khasnya golongan profesional terhadap golongan homoseksual yang wujud di Malaysia dari sudut sosial. Aspek yang difokuskan ialah langkah-langkah keagamaan dan juga kaunseling yang digunakan untuk mengatasi penularan gejala ini dalam masyarakat. Pengkaji berpandangan masyarakat boleh memainkan peranan penting dalam menangani masalah ini secara lebih menyeluruh. Cadangan daripada kajian ini boleh dijadikan panduan oleh pihak-pihak tertentu sama ada badan kerajaan, badan bukan kerajaan dan para penyelidik untuk mengadakan langkah pembasmian, pencegahan dan bantuan rawatan secara perubatan, psikologi, kaunseling, pendidikan dan keagamaan.

### **3.0 TEORI PSIKOANALISIS FREUD BERKAITAN DENGAN HOMOSEKSUALITI**

Konsep golongan homoseksual ini lebih jelas dikaitkan dengan pendekatan Psikoanalisis yang diperkenalkan oleh Sigmund Freud yang berasaskan bahawa manusia dilahirkan dengan naluri yang semula jadi (Othman, 2000). Pandangan ini berpendapat bahawa manusia adalah tidak rasional, tidak sosial dan penuh dengan desakan yang merosakkan dirinya serta manusia yang tidak tahu haluan hidup. Tingkah laku manusia lebih digalakkan oleh naluri kebinatangan dan desakan biologikal berbentuk kepuasan nafsu sendiri. Namun, semua ini akan berubah jika pengalaman dan persekitaran dapat mengajar diri mereka untuk bertindak dengan lebih rasional, maka dari situlah lahirnya ciri-ciri yang membentuk sosialisasi dengan masyarakat sekitar. Pengaruh pemikiran *Id*, *Ego* dan *Super-ego* dalam hal ini akan membawa kepada kesedaran sama ada untuk membawa kebaikan dalam diri atau sebaliknya (Othman, 2000). Perkaitan jika dilihat daripada konteks budaya homoseksual ini lebih terarah kepada pengaruh pemikiran *Id* yang tidak rasional, tidak teratur dan berorientasikan kepada kepuasan sendiri.

Teori psikoanalisis Freud menyediakan pendekatan untuk menganalisis dan merawat tingkah laku abnormal dalam kalangan orang dewasa termasuk homoseksualiti (Dean & Lane, 2003). Menurut Freud, personaliti manusia dibina daripada tiga sistem saling berinteraksi: *Id*, *ego* dan *super-ego*. *Id* adalah keperluan biologi terhadap keperluan untuk makanan, perlindungan dan kehangatan,

termasuk seks dan ianya beroperasi atas prinsip kepuasan. Ia dikatakan ciri buruk manusia, namun satu keperluan untuk penerusan hidup. *Ego* pula terbina semasa seseorang memenuhi keperluan *id* mereka apabila berinteraksi dengan orang lain dan dunia luar. Ia membentuk ciri bukan biologi seperti bersosial dan berkeluarga serta berfungsi sebagai perantara di antara keperluan *id* dengan dunia luar. *Super-ego* ialah bahagian moral dalam personaliti iaitu hasil daripada sosialisasi yang lahir daripada sistem sosial sesuatu masyarakat. Keadaan ini merujuk kepada terdapatnya pegangan, undang-undang dan tatacara tertentu semasa mengendalikan keperluan hidup. Keperluan *id* yang bersifat memusnahkan dikawal dan disesuaikan oleh had-had dan undang-undang sosial yang dikawal oleh *super-ego* (de Berg, 2003). Kedua-dua *id* dan *super-ego* mempengaruhi keadaan mental seseorang dalam cara ia menangani dunia kehidupan masing-masing. *Ego* yang sihat dan matang akan mempertimbangkan antara desakan *id* yang memusnahkan dan undang-undang moral *super-ego* yang baik dan membenarkan dirinya menerima yang baik serta tidak dimusnahkan. Berbalik kepada homoseksualiti, ia dikatakan perbuatan memenuhi tuntutan *id* tanpa menghiraukan *super-ego*. Oleh itu, bagi masyarakat bermoral homoseksualiti adalah satu perbuatan abnormal dan perlu dirawat.

#### 4.0 OBJEKTIF DAN METODOLOGI KAJIAN

Objektif kajian ini ialah untuk meneroka dua alternatif utama iaitu keagamaan dan kaunseling psikologi sebagai langkah-langkah yang sesuai untuk mengatasi permasalahan homoseksual yang wujud masa kini.

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif yang melibatkan temu bual mendalam secara tidak berstruktur terhadap isu homoseksual ini. Persampelan bertujuan (*purposive sampling*) digunakan untuk menemu bual golongan profesional dalam kerjaya masing-masing yang diketahui oleh pengkaji bahawa mereka mempunyai maklumat berkenaan isu homoseksual berasaskan kepada pengalaman kerja dan kehidupan seharian. Perakam suara (*voice recorder*) digunakan dalam mengumpulkan maklumat kajian ini. Tema-tema utama telah disenaraikan bagi memudahkan pengkaji membina soalan-soalan berkaitan kajian. Seramai lapan orang responden telah dipilih iaitu empat orang lelaki dan empat orang perempuan. Jumlah responden ini dikatakan sudah mencukupi untuk mendapatkan data yang kaya bagi kajian bersifat kualitatif (Hill et al., 1997). Seramai enam orang golongan profesional berbangsa Melayu, seorang berbangsa India serta seorang berbangsa Cina dalam lingkungan umur 29 hingga 53 tahun telah ditemu bual untuk kajian ini. Nama-nama responden yang terlibat dalam kajian ini tidak diumumkan, sebaliknya diberi ganti nama Responden A, Responden B dan seterusnya bagi menjaga etika penyelidikan yang mensyaratkan

responden sebagai subjek kajian haruslah dilindungi daripada dikenali bagi mengelakkan sebarang gangguan, ancaman dan salah interpretasi terhadap mereka (Cresswell, 2003).

Antara kriteria yang ditetapkan ialah responden mestilah golongan profesional sama ada dalam badan kerajaan atau swasta di mana keutamaan diberikan kepada mereka yang berpengalaman dalam mengendalikan kes-kes sebegini dan seseorang yang dipercayai daripada segi pengetahuan yang ada dalam bidang yang dikaji. Tempat kajian ialah di tiga buah negeri iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Negeri Selangor Darul Ehsan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya. Pemilihan ini adalah kerana berdekatan dengan kawasan ibu negara yang merupakan tempat utama gejala sebegini berleluasa kerana pelbagai kemudahan digunakan oleh golongan sebegini dalam mengembangkan budaya tersebut.

Analisis kajian yang digunakan ialah dengan menggunakan *verbatim* dan menjadikannya transkrip dalam dapatan kajian tersebut berasaskan manual kualitatif analisis (Taylor-Powell & Renner, 2003). Tema dan kod-kod tertentu diberikan kepada semua maklumat berkaitan, serta dianalisis berasaskan data yang dikumpul berasaskan objektif kajian. Akhirnya satu analisis dijalankan bertema hasil temu bual secara tidak berstruktur dalam melihat perspektif mereka terhadap isu ini di Malaysia. Kesemua jawapan itu dicungkil dengan sebaik mungkin berasaskan kepada satu set soalan yang telah dirangka dalam dialog-dialog dengan golongan profesional ini serta diinterpretasikan menggunakan pendekatan naratif dalam penghuraian segala isu yang dikemukakan (Suriati & Colonius, 2008).

## **5.0 HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Hasil kajian dirumuskan kepada tema-tema dan kod-kod tertentu berasaskan persoalan objektif kajian yang ingin dicapai dalam menyatakan perspektif isu ini secara keseluruhan. Terdapat dua tema utama yang dikenal pasti dalam membantu rawatan menangani permasalahan homoseksual di Malaysia. Antaranya ialah;

### **1. Kembali kepada Pegangan Agama**

Di bawah tema kembali kepada pegangan agama, beberapa kenyataan telah diberikan oleh lima orang responden yang menyatakan bahawa golongan ini hendaklah kembali kepada ajaran dan pegangan agama masing-masing. Antara tema tersebut ialah;

*Banyak kena beribadat dan kembali kepada ajaran agama adalah sebaiknya.*

(Responden A, lelaki, Melayu)

*...dekatkan diri dengan agama. Bagi saya semua agama melarang hubungan sejenis. Bagi orang-orang Islam tidak ada satu hukum pun membenarkan hubungan sejenis. Islam memberi cara melalui perkahwinan iaitu lelaki melempiaskan nafsunya berasaskan perempuan sahaja dan sebaliknya.*

(Responden B, lelaki, Melayu)

*Bagi saya semua agama tidak menyokong gejala homoseksual dan mereka wajar dikembalikan ke pangkal jalan yang sepatutnya.*

(Responden C, perempuan, Melayu)

*...kalan dia betul-betul insaf kepada pertubuhan dan individu dan itulah willing to help them terutama orang-orang agama dalam mengajak mereka kembali ke ajaran agama.*

(Responden D, lelaki, Melayu)

*Tapi kalau boleh didikan agamalah yang pertama untuk kembali. Kalau dia dididik dari segi agama boleh kembali, tapi kalau dididik agama masih dalam keadaan macam tu jugak, susahlah nak cakap.*

(Responden G, perempuan, Melayu)

Daripada petikan ini, jelaslah kembali kepada ajaran agama adalah salah satu rawatan yang baik. Beribadat, berkahwin dengan berlainan jantina, bantuan orang-orang agama terhadap mereka ini dan pendidikan agama dihayati sepenuhnya dalam menentukan kehidupan berada pada landasan yang normal. Kebanyakan ajaran agama menolak budaya ini serta mengajak mereka kembali ke pangkal jalan dengan mengamalkan kehidupan yang baik. Kaedah-kaedah penghayatan terhadap agama masing-masing adalah mengikut tatacara tertentu yang dapat membantu membetulkan golongan homoseksual ini daripada berada pada jalan yang songsang. Sebagai contoh bersolat, bertaubat, berdoa, mendekati diri dengan Tuhan, meminta bantuan alim ulamak agama masing-masing, menghayati pengamalan ajaran agama dan melaksanakannya dengan penuh khusyuk dan rendah diri. Walau bagaimanapun, perkahwinan yang normal iaitu berlainan jantina dikatakan boleh membantu rawatan kembali ke pangkal jalan kerana saluran inilah antara saluran yang terbaik untuk menentukan seseorang itu normal secara biologinya.

Kajian ini selaras dengan kajian-kajian yang berlandaskan ajaran Islam, Kristian, Buddha dan Hindu. Sejarah Islam sama sekali menegah gejala ini kerana melalui sejarah, kaum Nabi Luth dilaknat oleh Allah SWT dengan pedih sekali melalui azab yang sangat dahsyat sehinggakan bumi di tempat itu diterbalikkan (Muhammad Zaferruddin, 2004). Walau bagaimanapun, ajaran Buddha dan Hindu mempunyai sikap yang terbuka terhadap golongan ini dan lebih berpaksikan kepada perkara dan tingkah laku yang baik serta tidak mencederakan dan memberikan kesengsaraan kepada orang lain (Rezeki Perdani *et al.*, 2010). Namun, penolakan secara dasarnya tetap dilaksanakan dalam menegah budaya songsang ini, termasuk juga dengan ajaran Hindu yang tidak jelas dalam kitab agama mereka berkenaan isu ini dan menerimanya dengan cara yang berbeza-beza. Berbeza dengan ajaran Kristian yang memandang semua ini negatif dan terdapat beberapa potong ayat dalam kitab Injil yang menyebut penolakan golongan homoseksual kerana amalan homoseksual bercanggah dengan kemanusiaan di muka bumi (Rezeki Perdani *et al.*, 2010). Siti Musdah (2009) menyatakan bahawa mereka yang terjebak dengan homoseksual ini lari daripada orientasi seksual yang sebenar dan menyumbang kepada penyakit AIDS. Jelasnya, setiap agama menegah gejala homoseksual ini dan kembali ke jalan agama yang sebenar dengan mengamalkan ibadat serta penghayatan agama yang tinggi dapat membantu merawat diri daripada terus terlibat dengan isu ini.

## **2. Pendekatan Kaunseling Psikologi Bersesuaian**

Dalam memberikan kaedah pencegahan dan mengatasi persoalan homoseksual, tiga orang responden menyatakan bahawa isu ini haruslah dilaksanakan melalui sesi-sesi kaunseling serta dianjurkan program-program kaunseling psikologi yang bersesuaian dengan diri mereka. Kesemua ini bertujuan untuk memulihkan mereka supaya mengenali hakikat orientasi seksual dan siapakah diri mereka yang sebenar. Antara petikan kenyataan tersebut ialah;

*Okay, sebab saya taulah dalam perkhidmatan kaunseling ni memang susah orang-orang yang ada masalah, bermasalah nak jumpa. Mungkin kita boleh merancang program-program yang mendorong untuk mereka datang mencari kita. Mungkin tak semua orang yang terlibat dengan homoseksual tak nak kembali ke pangkal jalan. Cuma mungkin dia tak tau nak berhubung dengan siapa dan mungkin satu lagi yang masih seronok melibatkan diri, jadi mungkin kita kena banyakkkan program-program yang menyedarkan gejala yang tidak sihat.*

(Responden C, Perempuan, Melayu)



*I really believe we need to be listening openly, bukan makna kita kena terima tapi we keep to our own values dan kena dengar dan rationalize, genuine and openly dan rationalize rationalize rationalize. Lagi kita bangkang, lagi akan berikan immunization dan weapon. We have to be a listener, they have become like that for many reasons.*

(Responden F, Perempuan, Melayu)

*Kita boleh bagi dia kaunseling, psikologi kerana macam tulah kita boleh buat. Sebenarnya boleh kembali, itulah atas diri mereka lelaki ke perempuan nak berubah ke arah jalan yang baik dan kita teruskan bantuan dengan jalan yang baik.*

(Responden G, Perempuan, India)

Pendekatan kaunseling dan program yang bersesuaian wajar dilaksanakan dalam membantu golongan homoseksual ini untuk kembali ke pangkal jalan. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menyatakan bahawa satu program telah dirangka dalam membantu golongan homoseksual iaitu program 'Al-Mukhayyam/Mukhayyah' yang diadakan selama 3 hari 2 malam bertujuan untuk membantu memulihkan golongan ini melalui pendekatan agama dan kesihatan mental (*Harian Metro*, 2011, 3 Disember). Program ini dikatakan mendapat maklum balas positif daripada pelbagai pihak seperti Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan Majlis Belia Malaysia (MBM). Dalam program ini bimbingan kaunseling diberikan kepada golongan berkenaan dalam usaha membantu mereka dipulihkan senormal mungkin. *American Psychologist Association* (2000) mencadangkan agar dijalankan sesi konsultasi (kaunseling dan psikologi) oleh ahli psikologi melalui latihan-latihan tertentu untuk membantu golongan ini kembali ke pangkal jalan. Sama juga dapatan kajian ini dengan Bockting, et al. (1999) yang melaksanakan program intervensi (bengkel) terhadap golongan kecelaruan seksualiti ini dengan memberikan pendedahan tentang bahayanya HIV jika mengamalkan hubungan songsang dari segi seksualiti. Mereka juga menjalankan sesi perbincangan bersama secara terbuka dalam kumpulan itu untuk membantu mereka kembali ke jalan yang sepatutnya. Pendekatan ini tertakluk kepada kesedaran sama ada mereka wajar untuk berubah atau sebaliknya.

Begitu juga dengan pendekatan kemahiran mendengar dan rasionalisasi yang merupakan kemahiran kaunseling asas yang harus dijalankan terhadap mereka, sesuai dengan konteks permasalahan ini. Tindakan menghukum dan tidak mendengar dengan baik akan menyebabkan golongan ini terus hanyut dengan dunia mereka. Justeru, sesi kaunseling secara berterusan dan cuba memahami daripada sudut diri mereka akan membantu perubahan dalam diri mereka secara perlahan-lahan. Meriam (2003) melaksanakan sesi kaunseling kepada seorang

klien selama setahun dalam membantu memulihkan golongan ini agar tidak terlibat lagi dengan budaya songsang dan akhirnya berjaya membawa perubahan yang positif. Isu sebegini wajar dijalankan sesi kaunseling melalui pendekatan REBT (*Rational Emotive Behavior Therapy*) untuk menegakkan pemikiran yang rasional dan jelas orientasi seksual mereka berasaskan gender hakiki (Mohd Izwan, 2011). Peranan pensyarah di universiti juga amat penting untuk mendengar luahan perasaan pelajar-pelajar yang terlibat dengan gejala ini dan membantu merasionalkan mereka mengikut keupayaan ilmu yang ada (Syarifah Rohaniah, 2011). Kesemua ini saling berkait rapat untuk meneroka permasalahan dalaman golongan ini agar menyedari dirinya yang sebenar sebagaimana kejadian asal seseorang manusia.

Rumusannya, gejala homoseksual masa kini memerlukan rawatan alternatif yang profesional dan berkesan untuk membantu golongan ini kembali ke pangkal jalan. Oleh itu, pendekatan kembali kepada ajaran agama sama ada Islam, Kristian, Buddha dan Hindu serta alternatif pendekatan kaunseling psikologi dapat membantu golongan ini kembali ke pangkal jalan. Apa yang paling penting ialah perubahan itu adalah secara perlahan-lahan dan bukannya drastik sehingga boleh menghalang kejayaan perubahan terhadap golongan homoseksual ini untuk kembali ke pangkal jalan.

## **6.0 KESIMPULAN**

Homoseksual telah menjadi satu virus yang hebat ke atas pembudayaan cara hidup masyarakat. Oleh itu, kajian ini sebenarnya sedikit sebanyak menghuraikan tentang alternatif rawatan yang bersesuaian digunakan untuk mengatasi permasalahan homoseksual yang melanda masyarakat di Malaysia. Justeru, kajian ini turut menyokong dan mengukuhkan lagi teori berkenaan dengan Psikoanalisis yang menjadi asas kepada pemikiran dan tingkah laku golongan homoseksual mengamalkan cara hidup yang songsang. Hal ini telah menjadi panduan bahawa kebanyakan mereka bertindak atas dasar kepuasan nafsu sendiri dan juga pemikiran tidak rasional yang mampu membinasakan kehidupan mereka daripada kehidupan yang lebih baik. Perubahan ke arah kebaikan dalam diri mereka adalah perlu terutama berlandaskan satu pemikiran yang rasional dan tidak hanya mementingkan kepuasan sendiri yang boleh menghancurkan dirinya ke arah yang tidak sepatutnya. Keadaan ini bagi menentukan pembangunan insaniah dalam diri mereka berdasarkan tuntutan naluri yang sebenarnya sebagai seorang manusia. Berjaya atau tidak, alternatif rawatan ini bukanlah satu ukuran yang besar kerana penglibatan dan pelaksanaan apa yang dikaji ini akan membuka pelbagai jalan kebaikan kepada golongan ini dan masyarakat pada masa akan datang. Sokongan dan kekuatan itu menjadi implikasi yang besar

terhadap kajian ini sebagai satu pelan tindakan rawatan dan pemulihan oleh pihak kerajaan atau bukan kerajaan untuk merangka strategi pelan atau modul perubahan yang baik bagi golongan ini selaras dengan kemajuan sesebuah negara.

## 7.0 PENGHARGAAN

Jutaan penghargaan kepada Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar iaitu Dato' Sri Zoal Azha bin Yusof, Setiausaha Bahagian Kanan, Bahagian Khidmat Pengurusan, Datin Junaidah bt Kamarruddin dan Setiausaha Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Encik Abdul Wahid bin Abu Salim di atas memberikan kebenaran untuk menulis artikel ini dan diterbitkan dalam jurnal berbentuk akademik.

## RUJUKAN

- Acton, H. (2010). I Am What I Am? *Existential Analysis*. 21(2), 351-364.
- American Psychiatric Association. (2000). *Diagnostic And Statistical Manual of Mental Disorders* (4<sup>th</sup> Edition). Washington: American Psychiatric Association.
- American Psychological Association. (2002). For A Better Understanding Of Sexual Orientation & Homosexuality. ([www.apa.org/topics/sexuality/orientation.pdf](http://www.apa.org/topics/sexuality/orientation.pdf)) .[Di muat turun pada 30 Nov 2011].
- American Psychologist. (2000). Guidelines for Psychotherapy With Lesbian, Gay and Bisexual Clients. *Reports Of The Association*. American Psychological Association.
- Amran Hassan, Fatimah Yusooif, & Khadijah Alavi. (2011). Transeksualiti: Perspektif Islam dan Keluarga Dalam Konteks Kesejahteraan Sosial. *Prosiding Persidangan Kaunseling Antarabangsa PERKAMA di Kuala Lumpur tahun 2011*.
- Bockting, W. O., Rosser, B. R. S., & Scheltema, K. (1999). Transgender HIV prevention: Implementation and Evaluation of a Workshop. *Health Education Research*. 14(2), 177-183.

- Creswell, J. W. (2003). *Design, Qualitative, Quantitative and Mixed Method Approaches*. 2nd Edition. Thousand Oaks: Sage.
- de Berg, H. (2003). *Freud's Theory And Its Use in Literary and Cultural Studies: An Introduction*. Rochester, N.Y: Camden House.
- Dean, T., & Lane, C. (2001). *Homosexuality and Psychoanalysis*. Chicago: The University of Chicago Press.
- Friedman, R. C. (1998). Homosexuality. *Journal of Psychological Association*, 69-79.
- Gilliam, J. (2002). Respecting The Rights Of GLBTQ Youth, A Responsibility Of Youth-Serving Professionals. ([www.advocatesforyouth.org](http://www.advocatesforyouth.org)) [Di muat turun pada 3 Mac 2012].
- Harian Metro. (2011). Jauhi Gejala Kehancuran. 22 November. Mohamad Sofee Razak. ([www.hmetro.com.my/articles/Jaubigejalakehancuran/Article/art\\_print](http://www.hmetro.com.my/articles/Jaubigejalakehancuran/Article/art_print)) [Di muat turun pada 22 Nov 2011].
- Harian Metro. (2011). Kongsi Modul Pulih Mak Nyah. 3 Disember 2011. Yusliza Yakimir Abd. Talib.
- Harian Metro. (2011). Pujuk Gay Melayu. 22 November 2011. Mohd Jamilul Anbia Md Denin. ([www.hmetro.com.my/articles/PujukgayMelayu/Article/art\\_print](http://www.hmetro.com.my/articles/PujukgayMelayu/Article/art_print)) [Di muat turun pada 22 Nov 2011].
- Haron Din. (2010). *Manusia dan Islam (Jilid Dua)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hill, C. E., Thompson, B. J., & William, E. N. (1997). A Guide To Conducting Consensus Qualitative Research. *The Counseling Psychologist*, 25, 517-572.
- Hughes, J. R. (2006). A General Review of recent Reports on Homosexuality and Lesbian. *Sexual Disability*, 24, 195-205.
- Jenkins, W. J. (2010). Can Anyone Tell Me hy I'm Gay? What Research Suggests Regarding The Origins of Sexual Orientation. *North American Journal of Psychology*, 12, 279-296.
- Joseph, F. (2002). Everyone Should Know These Statistics on Homosexuals. ([www.traditioninaction.org/HofTopics/a02rStatistics.html](http://www.traditioninaction.org/HofTopics/a02rStatistics.html)) [Di muat turun pada 21 Februari 2012].

- Lehrman, N. S. (2005). Homosexuality: Some Neglected Considerations. *Journal of American Physicians and Surgeons*, 10, 80-82.
- Mahmood Nazar Mohamed. (2010). *Pengantar Psikologi; Satu Pengenalan Asas Kepada Jiva dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Mat Saad Abd. Rahman. (2008). *Isu-isu dalam Masyarakat Islam Malaysia*. Kuala Lumpur: iBook Publication Sdn. Bhd.
- McBee, S. M., & Rogers, J. R. (1994). Identifying Risk Factors for Gay and Lesbian Suicidal Behavior: Implications for Mental Health Counselors. *Journal of Mental Health Counseling*, 143-155.
- Meriam Omar Din. (2000). Kajian Kes Kaunseling Seksualiti: Masalah Seorang Dewasa Transeksual. *Jurnal PERKAMA*, 8, 153-174.
- Mohd Izwan Mahmud. (2011). Kajian Kes Kaunseling Lelaki Transeksual di IPTA. *Prosiding Persidangan Kaunseling Antarabangsa PERKAMA di Kuala Lumpur tahun 2011*.
- Muhammad Zafeeruddin. (2004). *Bahaya Homoseks Livat*. Klang: Klang Book Centre.
- Nor Mazlina Ghazali, Edris Aden, & Cheong Chee Leong. (2011). Gay Disclosure: Consequencies and Coping Strategies. *Kertas Kerja Seminar Kaunseling Kebangsaan Pelbagai Budaya di UNIMAS tahun 2011*.
- Othman Mohamed. (2000). *Prinsip Psikoterapi dan Pengurusan Dalam Kaunseling*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Rezki Perdani Sawai, Dini Farhana Baharudin, Joki Perdani Sawai, & Thee Chin Choon. (2011). Sikap Terhadap Golongan Homoseksual (Gay dan Lesbian) Di Kalangan Mahasiswa Universiti. *Kertas Kerja Seminar Kaunseling Kebangsaan Pelbagai Budaya, di UNIMAS tahun 2011*.
- Siti Musdah Mulia. (2009). Understanding LGBT issues in Islam promoting the appreciation of human dignity. 2<sup>nd</sup> CSBR *Sexuality Institute – 11-18 September 2009*. Istanbul. ([www.asiapacificforum.net / issues / sexual\\_orientation](http://www.asiapacificforum.net/issues/sexual_orientation)) [Di muat turun pada 10 Okt 2011].

Suriati Ghazali, & Colonius Atang. (2008). Pencarian dan Penafsiran Maklumat Kualitatif dalam Penyelidikan Geografi: Pengalaman daripada Kajian Kesejahteraan Ketua Keluarga Wanita. *Jurnal Manusia dan Masyarakat*, 16, 156-179.

Syarifah Rohaniah Syed Mahmood. (2011). Effeminacy Among Male University Students of Malaysia: What Are The Underlying Contributing Factors. *Kertas Kerja Seminar Kaunseling Kebangsaan Pelbagai Budaya di UNIMAS tahun 2011*.

Tyler-Power, E., & Renner, M. (2003). Analyzing Qualitative Data. ([www.sedl.org/pembs/fam95/279.html](http://www.sedl.org/pembs/fam95/279.html)) [Di muat turun pada 22 Okt 2011]